

**Kn. P.U. 56.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN  
PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) (PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73(1)(b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Gua Musang dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut :

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Gua Musang) (Pindaan) 2020.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Gua Musang.

(3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

**Undang-undang kecil baharu 34A**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Gua Musang) 2019 [*Kn.P.U.24/2019*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 34 undang-undang kecil yang berikut:

**“Kawalan pencegahan penyakit**

34A. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan langkah-langkah sewajarnya diambil bagi mencegah dan mengawal merebaknya wabak atau penyakit di premis berlesen pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan jarak sosial selamat antara mana-mana orang dan/atau sesama pekerjaanya di premis sekurang-kurangnya satu meter dalam semua keadaan termasuklah bagi semua pintu masuk, apa-apa kaunter, lobi atau mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Majlis dan perlu membuat penandaan bagi tujuan tersebut.

(3) Jika berlaku penularan wabak yang disebarkan melalui pernafasan, pemegang lesen boleh –

(a) mewajibkan pemakaian pelitup muka ke atas pekerja dan mana-mana orang bagi urusan atau perkhidmatan yang memerlukan kontak rapat antara pekerja dan mana-mana orang; atau

(b) menghendaki pekerja dan mana-mana orang yang berurusan di premis bagi mengenakan pelitup muka pada setiap masa.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa –

(a) premis berlesen disanitasi dan dinyahjangkit secara kerap dan konsisten sekurang-kurangnya dua kali sehari;

(b) cecair pembersih tangan disediakan di premis berlesen pada setiap masa bagi kegunaan pekerja dan mana-mana orang yang berurusan di premis berlesen; dan

(c) pekerja diwajibkan untuk membersihkan tangan dengan kerap dan setiap kali sebelum berurusan dengan mana-mana orang di premis berlesen.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit diamalkan di premis berlesen pada setiap masa seperti berikut :

(a) pemeriksaan suhu badan pada setiap hari bagi pekerja dan tahap kesihatan pekerja direkodkan secara teratur dan konsisten; dan

(b) mana-mana pemegang lesen yang apabila mengetahui wujudnya penyakit berjangkit itu di premis berlesennya hendaklah memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan kerajaan atau balai polis yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan, tentang kewujudan penyakit itu.

(6) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan berkenaan dengan pencegahan penyakit yang dikeluarkan oleh Majlis atau Pihak Berkuasa Negeri.”.

**Pindaan undang-undang kecil 38**

3. Undang-undang kecil 38 Undang-Undang Kecil ibu dipinda –

- (a) dalam perenggan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “premis berlesen” perkataan “atau tidak berlesen”; dan
- (b) dalam perenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “premis berlesen” perkataan “atau tidak berlesen”.

Bertarikh 4 Jun 2020  
[5/8/19 klt.23(103)]

HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Gua Musang*

Disahkan pada 19 Ogos 2020  
[SUK.D.200(05)849/1 JLD.17]

HAJI AHMAD ADLEE BIN YASIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kelantan*